



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI PERANGKAAN KANAN (B.3)
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PERANGKAAN KANAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ekonomi (*Economy*) / Matematik (*Mathematics*) / Perakaunan (*Accounting*) / Perangkaan (*Statistic*) / Perniagaan dan Kewangan (*Business and Finance*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) / Sains Komputer (*Computer Science*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Penyediaan bagi pengendalian Banci Majikan dan Pekerja Tahunan;
2. Memantau dan mengendalikan proses data Banci Majikan dan Pekerja Tahunan dalam sistem, termasuk penyemakan, pembedulan dan pengekodan, mengikut Akta Maklumat Pekerjaan 1974;
3. Memantau dan mengendali proses data-data pentadbiran yang diperolehi dari Bahagian / Seksyen dalam Jabatan, termasuk *data-entry*, penyemakan, pembedulan dan sebagainya;
4. Menganalisa dan menyediakan laporan / rumusan serta ringkasan dan perangkaan bagi data-data yang dikumpulkan di Bahagian ini; dan
5. Penyediaan / Pengeluaran perangkaan mengikut keperluan pengguna, tertakluk kepada data / maklumat yang ada.